



Ruj. Kami: SUK.D200 (01) 15/1/1 Jld.3(100)

Bertarikh : 24 Zulkaedah 1442H

05 Julai 2021

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Urusetia Kerajaan Negeri

Semua Ketua Bahagian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Pengurus Agensi Negeri (Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kelantan)

**ARAHAN PENTADBIRAN**  
**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**  
**BILANGAN 9 TAHUN 2021**

**PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA DUA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan pengumuman YB Menteri Kanan Pertahanan berkenaan peralihan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Dua bagi Negeri Perlis, Perak, Kelantan, Terengganu dan Pahang, maka Pentadbiran Kerajaan Negeri bersetuju supaya **pengoperasian pejabat Kerajaan Negeri** akan terus dilaksanakan **secara hibrid** melalui keberadaan di pejabat dan Bekerja Dari Rumah (BDR) dengan menggunakan pendekatan berikut :

- a) Waktu pengoperasian perkhidmatan Kerajaan Negeri di pejabat adalah **mulai 8:00 pagi hingga 3:00 petang (Ahad hingga Rabu) dan 8:00 pagi hingga 2:00 petang (Khamis)**;
- b) Kehadiran di pejabat **tidak melebihi 40%** bagi keseluruhan (tidak termasuk perkhidmatan *frontliners*, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan) dan **60% BDR secara penggiliran**;
- c) Penggiliran kakitangan di pejabat bagi tempoh maksimum 4 jam;
- d) Semua mesyuarat dan perbincangan dillaksanakan **secara dalam talian** melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan;
- e) Perkhidmatan kaunter adalah dibuka **mulai jam 9:00 pagi hingga 12:00 tengahari pada setiap hari (Ahad hingga Khamis)** dan tertakluk seperti mana surat arahan No. Ruj : SUK.D.200(06)411/2(37) bertarikh 30 Jun 2021;

- f) Kehadiran ke pejabat perlu **disertai** dengan **dokumen arahan rasmi dan pas pekerja**; dan
- g) Mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan COVID-19 yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

3. Pelaksanaan BDR adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 5 Tahun 2020 dan Pekeliling Perkhidmatan (Negeri) Bilangan 3 Tahun 2021 Dasar Bekerja Dari Rumah yang jelas memperincikan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi termasuk tidak boleh melaksanakan urusan peribadi dalam waktu bekerja. Sebarang pelanggaran salah laku dalam mematuhan kepada BDR akan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kn.P.U 18 (A)395 – Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Kelantan (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2009.

4. Arahan ini dipersetujui **berkuat kuasa mulai 05 Julai 2021 sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu.**

Sekian, terima kasih.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”**  
**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' HAJI NORAZMAN BIN ABD GHANI**, *D.P.S.K (Kelantan)*

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

**b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN**  
**NEGERI KELANTAN**

s.k.: - YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan